

# PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

## MENTRANSFORMASIKAN MINDA PELAJAR

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) atau *lifelong learning* bukanlah satu landskap pendidikan yang baharu bagi masyarakat di negara ini, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi sosioekonomi abad ke-21. Pembelajaran sepanjang hayat bererti seseorang itu harus sentiasa bersedia untuk belajar berkaitan dengan kitaran kehidupan (dari usia kecil hinggalah ke liang lahad).

**P**embelajaran ini merupakan peluang kedua kepada seseorang untuk melakukan penambahbaikan, sama ada dari aspek nilai individu, potensi kerjaya dan masyarakat dalam bentuk peningkatan ilmu, kemahiran, sikap mahupun kecekapan individu. Konsep pembelajaran yang lebih terbuka dan fleksibel juga begitu sinonim dengan PSH yang memberikan impak terhadap proses pendemokrasian pendidikan, bukan sahaja secara formal, malah bukan formal dan tidak formal.

Dalam konteks ini, PSH telah dijulung sebagai misi pendemokrasian pendidikan masyarakat oleh pihak kerajaan dengan menjadikannya sebagai polisi dan agenda utama dalam pembangunan negara. Rentetan itu, Malaysia berjaya mewujudkan beberapa dasar penting pembelajaran sepanjang hayat, antaranya termasuklah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional (2011–2020). Hasilnya, pelan induk berkenaan dijadikan sebagai rujukan utama polisi PSH nasional untuk agenda pembudayaan pembelajaran di Malaysia.

Seterusnya, dalam memastikan impak berterusan PSH sebagai mekanisme peningkatan modal insan yang memenuhi keperluan pasaran, program sinergi daripada pelbagai pihak turut dilibatkan, seperti Kementerian Pelaksana PSH, agensi, Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan wakil industri. Begitu juga dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Rancangan Malaysia ke-12 yang merupakan rentetan signifikan dalam merealisasikan hasrat negara melalui misi nasional, yakni aspek pembangunan modal insan dan penyediaan tenaga kerja mahir dijadikan sebagai fokus utama.

Bertitik tolak daripada kesedaran terhadap peri pentingnya PSH, kerajaan mula menggerakkan usaha dalam membudayakan pendidikan kepada masyarakat sepertimana mewajibkan pelaksanaan pendidikan sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi, di samping meningkatkan pelbagai fasiliti serta kempen. Selain itu, dana khas turut diperuntukkan untuk memastikan pelaksanaan program berkaitan mendapat sokongan daripada masyarakat. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik masyarakat agar pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat seiring dengan tuntutan ekonomi berasaskan pengetahuan, kemahiran, peningkatan kemajuan teknologi dan keperluan globalisasi warga Malaysia.

Dasawarsa ini, institusi pendidikan turut menawarkan kemudahan yang memenuhi keperluan pelajar di pelbagai peringkat kompetensi sepanjang hayat mereka. Oleh itu, setiap individu membina minda dengan lebih efisien. Dalam erti kata lain, generasi kini tidak hanya menjadi penerima pengetahuan secara pasif, tetapi berupaya menjadi seorang penyelidik yang aktif, pembina, dan penyampai pengetahuan.

Pengetahuan akan berjaya dikongsi secara efektif (sama ada daripada seseorang pakar dalam reka bentuk, pengurus organisasi atau guru melalui kursus), tetapi dibina secara kolaboratif dalam konteks kerja.

Maka itu, pelajar haruslah menggunakan kemudahan PSH untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam sesuatu disiplin mengikut keperluan semasa. Mereka juga



boleh menyumbang kepada kemudahan dengan berkongsi pengetahuan dan menyokong pelajar lain. PSH bukan sekadar pengguna kepada kemudahan pembelajaran yang sedia ada, namun mampu menyumbang secara aktif dengan memanfaatkan kemudahan itu sendiri. Dari perspektif lain, PSH yang berjaya pastinya melibatkan pelbagai lapisan orang awam tanpa sebarang diskriminasi termasuklah golongan pekerja, belia, wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU), orang luar bandar, B40, miskin dan rentan ekonomi, masyarakat dalam transisi ekonomi, masyarakat Orang Asli dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Persis hemat para cendekiawan, PSH ialah pembinaan kemahiran dan pengetahuan yang berterusan sepanjang hidup seseorang individu. Hal ini bukan sahaja meningkatkan keterangkuman sosial, peningkatan pengalaman dalam kehidupan dan pembangunan peribadi, malah melibatkan daya saing dan kebolehpasaran. Dalam memenuhi keperluan ekonomi dunia yang berasaskan pengetahuan, masyarakat memerlukan beberapa nilai tambah dan kemahiran asas yang semakin mendapat permintaan dalam dunia teknologi yang sentiasa berubah. Setiap orang perlu membina keupayaan untuk belajar menyesuaikan diri, kreatif dan responsif dalam menghadapi cabaran hidup. Secara tuntas, PSH boleh dilaksanakan melalui pengintergrasian tiga komponen, yakni pembelajaran; formal, bukan formal dan tidak formal.

Pembelajaran formal merujuk pembelajaran yang teratur, berstruktur dan mempunyai pengiktirafan kelayakan akademik secara rasmi, misalnya sijil diploma dan ijazah sarjana muda). Pembelajaran bukan formal pula merupakan aktiviti yang melibatkan pembelajaran alternatif dalam aktiviti terancang yang tidak menawarkan kelayakan akademik, namun lebih tertumpu kepada elemen pembelajaran untuk hidup yang membawa kepada penambahbaikan kemahiran profesional, manakala istilah pembelajaran tidak formal ditakrifkan sebagai pembelajaran yang mengukuhkan kualiti dan gaya hidup individu berdasarkan aktiviti santai kehidupan seharian dari aspek kekeluargaan, pekerjaan atau masa

lapang demi kesejahteraan hidup mereka. Pembelajaran sebegini menawarkan kursus seperti katering, motivasi, grafik, multimedia, keusahawanan, jahitan dan kecantikan. Pengendaliannya pula lebih bersifat santai dari segi masa dan tempat penganjuran aktiviti pembelajarannya, serta sentiasa dikemaskini berdasarkan perubahan keperluan, minat dan kemampuan pelajar dari semasa ke semasa.

Globalisasi dan pertumbuhan ekonomi pengetahuan yang berubah pantas bermakna orang ramai memerlukan peningkatan kemahiran sepanjang hayat dewasa mereka untuk menghadapi kehidupan moden, baik dalam pekerjaan mereka mahupun dalam kehidupan peribadi mereka. Pada masa kini, terdapat kemahiran asas yang penting dalam dunia transformasi teknologi yang sentiasa berubah, keupayaan untuk belajar dan kemahiran menyesuaikan diri dan latihan baharu diperlukan.

Pada hakikatnya, PSH berlaku secara berterusan dalam setiap tahap kehidupan manusia dan boleh dikategorikan, seperti berikut:

#### 1. Bayi berusia di bawah lima tahun:

Ciri pembelajaran yang diperlukan ialah pembelajaran asas seperti tingkah laku, pemikiran dan bakat pembelajaran. Di samping itu, kebanyakan pembelajaran yang diperlukan oleh adalah berbentuk pembelajaran tidak formal contohnya, melihat tabiat dan cara pemikiran ibu bapa, rakan sebaya dan sesiapa sahaja yang signifikan yang berada di sekitar mereka.

#### 2. Pelajar berusia antara 6–24 tahun:

Pembelajaran berkenaan biasanya pada peringkat institusi pendidikan. Terdapat pelbagai faktor yang turut mempengaruhi kejayaan pembelajaran mereka, termasuklah faktor latar belakang keluarga, organisasi sosial, institusi keagamaan dan media massa.

#### 3. Kelompok yang berumur 25–60 tahun:

Pelajar dari kumpulan ini boleh belajar secara tidak formal melalui penggunaan media pengajaran, misalnya daripada tempat kerja, rakan sekerja, pelancongan, media massa, teknologi maklumat, persekitaran dan alam semula jadi. Orang dewasa belajar daripada pengalaman dan penyelesaian masalah. Oleh itu, mereka memerlukan

pembangunan intelek, keupayaan dan integriti yang berterusan.

- #### 4. Pelajar berumur 60 tahun dan ke atas:
- Pembelajaran bagi golongan ini mungkin merangkumi banyak aktiviti yang bersesuaian dengan keadaan fizikal, tahap kesihatan dan umur mereka, termasuklah seni muzik, sukan, kraf tangan dan kerja sosial. Selain itu, mereka boleh belajar dengan cara menyertai program kesukarelawanan dalam komuniti, organisasi, kelab dan persatuan.

Selari dengan aliran global PSH, Malaysia memerlukan kerjasama yang padu daripada semua pihak, termasuklah individu, organisasi mahupun masyarakat sekeliling. Usaha pembudayaan PSH sebagai gaya hidup wajar diperkasakan dalam aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), iaitu: "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah meningkatkan potensi individu secara holistik dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini dapat melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara."

Secara tuntasnya, PSH merupakan satu daripada usaha pendemokrasian pendidikan yang bukannya sekadar menggembleng potensi individu menjadi lebih bertanggungjawab kepada diri sendiri dan komuniti, malah berupaya mentransformasikan diri ke arah penglibatan secara aktif dan produktif pada semua peringkat sosioekonomi masyarakat. Sementara itu, setiap ahli masyarakat termasuklah warga pendidikan pasti akan mampu bermandiri dan bersatu untuk berubah secara total dengan menjamin PSH sebagai suatu pelaburan demi mendepani arus Revolusi Perindustrian 4.0 yang mendatang. □

**Dr. Che Wan Ida Rahimah Che Wan Ibrahim**, Pensyarah Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu.  
**Amir Mustafa**, Guru Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Terengganu.